



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
TERENGGANU**
TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN
20576 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU DARUL IMAN



Tel: 09-623 1957 samb. 6335 - 6343 / 6411 - 6424
Faks: 09-622 9887 / 09-631 0078
Laman Web: <http://ptgweb.terengganu.gov.my>
Emel: ptgtrg@terengganu.gov.my

Ruj. Kami : PTG.TR.G/05/1998/06/05 (11)
Tarikh : 29 Januari 2020
Bersamaan : 04 Jamadilakhir 1441H

Pentadbir Tanah
KUALA TERENGGANU

Pentadbir Tanah
KEMAMAN

Pentadbir Tanah
DUNGUN

Pentadbir Tanah
BESUT

Pentadbir Tanah
HULU TERENGGANU

Pentadbir Tanah
MARANG

Pentadbir Tanah
SETIU

Pentadbir Tanah
KUALA NERUS

Tuan,


ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 2/2020

**PENYERAGAMAN WAKTU PERKHIDMATAN KAUNTER PENDAFTARAN DAN
HASIL PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU SERTA
PEJABAT TANAH DAERAH DI TERENGGANU**

1. TUJUAN

Arahan ini bertujuan untuk menyeragamkan waktu perkhidmatan Kaunter Pendaftaran dan Hasil di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu

PROFESIONAL, TOLERANSI DAN GEMILANG TERAS KEJAYAAN



Beautiful
Terengganu
Malaysia

serta Pejabat Tanah Daerah di Terengganu bagi mewujudkan perkhidmatan kaunter yang berkualiti.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Perkhidmatan kaunter adalah perkhidmatan barisan hadapan yang penting. Orang ramai yang menjadi pelanggan mempunyai kehendak dan harapan yang tinggi terhadap perkhidmatan kaunter yang diberikan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu serta Pejabat Tanah Daerah di Terengganu.

2.2 Arahan ini dikeluarkan sebagai satu langkah untuk memastikan perkhidmatan kaunter yang diberikan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu serta Pejabat Tanah Daerah di Terengganu adalah memuaskan hati pelanggan dan seterusnya mewujudkan perkhidmatan kaunter yang berkualiti.

2.3 Peraturan 45 Peraturan-peraturan Tanah Terengganu (Pindaan) 2007 [Tr.P.U.2/2007] memperuntukkan mengenai pindaan kepada waktu perkhidmatan Kaunter Pendaftaran seperti berikut:

“Registration Office shall be open for transaction of business on every working day continuously between the hours of 8.00 a.m. to 4.30 p.m. and on Thursday between the hours of 8.00 a.m. to 3.00 p.m.”

2.4 Peraturan 45A Peraturan-peraturan Tanah Terengganu (Pindaan) 2007 [Tr.P.U.2/2007] pula memperuntukkan mengenai pindaan kepada waktu perkhidmatan Kaunter Hasil seperti berikut:

“Revenue Office shall be open for transaction of business on every working day continuously between the hours of 8.00 a.m. to 4.30 p.m. and on Thursday between the hours of 8.00 a.m. to 3.00 p.m.”

3. PELAKSANAAN

3.1 Bagi tujuan keseragaman, waktu perkhidmatan Kaunter Pendaftaran dan Hasil di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu serta Pejabat Tanah Daerah di Terengganu adalah ditetapkan seperti berikut:

Ahad - Rabu : 8.00 pagi - 4.30 petang

Khamis : 8.00 pagi - 3.00 petang

Hari Kelepasan Am Bagi Negeri Terengganu: Tutup

- 3.2 Waktu perkhidmatan Kaunter Pendaftaran dan Hasil di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu serta Pejabat Tanah Daerah di Terengganu di bulan Ramadhan adalah ditetapkan seperti berikut:

Ahad - Rabu : 8.00 pagi - 3.30 petang

Khamis : 8.00 pagi - 2.00 petang

Hari Kelepasan Am Bagi Negeri Terengganu: Tutup

- 3.3 Kaunter Pendaftaran dan Hasil di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu serta Pejabat Tanah Daerah di Terengganu hendaklah dipastikan sentiasa beroperasi semasa waktu perkhidmatan termasuk pada waktu makan tengah hari sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 3.1 dan 3.2 Arahan ini dan tiada penutupan kaunter boleh dibuat atas sebarang sebab sekalipun sepanjang tempoh tersebut. Penambahan waktu perkhidmatan kaunter pada waktu makan tengah hari adalah untuk memberi kemudahan yang lebih meluas khususnya kepada pelanggan yang bekerja pada waktu pejabat.

- 3.4 Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu serta Pejabat Tanah Daerah di Terengganu hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan menambahbaik sistem dan prosedur kerja kakitangan yang mengendalikan perkhidmatan kaunter.


4. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Arahan ini dikeluarkan bagi mengganti dan memansuhkan perkara (i) Arahan Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bil. 3/1988 bertarikh 28 Januari 1988.
- 4.2 Arahan ini berkuat kuasa pada **1 Februari 2020** dan hendaklah diguna pakai di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu serta Pejabat Tanah Daerah di Terengganu.

Sekian, terima kasih.

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(TENGGU SERI BIJAYA RAJA)
Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu